



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SOLAT BERJEMAAH, PENGIMARAHAAN, IHYA' RAMADAN DAN SAMBUTAN AIDILFITRI DI MASJID DAN SURAU WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI FASA PERALIHAN KE ENDEMIK

Mulai 01 April 2022M
bersamaan 29 Syaaban 1443H

1. PUNCA KUASA

- 1.1 Titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- 1.2 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993;
- 1.3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342);
- 1.4 Arahan semasa yang dikeluarkan oleh Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan merangkak Pengarah JAWI; dan
- 1.5 Arahan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. PANDUAN UMUM

2.1 Kawalan Pencegahan

- 2.1.1 Kehadiran jemaah untuk solat berjemaah dibenarkan mengikut kapasiti sebenar masjid dan surau.
- 2.1.2 Dibenarkan solat berjemaah tanpa penjarakan fizikal atau saf dirapatkan. Penjarakan fizikal selain waktu solat berjemaah masih dilaksanakan dengan jarak yang bersesuaian.
- 2.1.3 Warganegara Malaysia dan warganegara asing, lelaki

dan wanita tanpa mengira had umur yang telah menerima vaksinasi Covid-19 dibenarkan hadir.

2.1.4 Jemaah yang telah menerima vaksinasi Covid-19 erti jemaah yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Cormirnaty (PfizerBioNTech), Covid-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm)), jemaah berkenaan mestilah telah melepassi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau
- ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti Covid-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), jemaah berkenaan mestilah telah melepassi hari ke-28 dari tarikh suntikan.

2.1.5 Jemaah yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar.

- 2.1.6 Hanya jemaah dengan status *Low Risk* termasuk *Casual Contact Low Risk* dalam MySejahtera dibenarkan masuk ke dalam masjid dan surau. Jemaah yang berstatus *Close Contact* bergejala, *Person Under Surveillance*, *Suspected Case*, *Confirmed Case* dan di bawah *Home Surveillance Order* (HSO) adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 2.1.7 Jemaah yang kurang sihat serta mempunyai gejala Covid-19, adalah dilarang hadir dan berada di masjid dan surau.
- 2.1.8 Jemaah digalakkan menjalankan ujian saringan Covid-19 dengan menggunakan kit ujian RTK-Ag (kendiri) untuk memantau kesihatan.
- 2.1.9 Penggunaan aplikasi MySejahtera **diwajibkan**. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan dibolehkan di kawasan yang tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain).
- 2.1.10 Kad Vaksinasi Covid-19 boleh digunakan untuk menunjukkan status vaksinasi sekiranya tiada MySejahtera.
- 2.1.11 Diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM ketika berada di masjid dan surau.

- 2.1.12 Berjabat tangan (bersalaman) atau melagakan penumbuk (*fist bump*) antara satu sama lain ketika bertemu tidak dibenarkan.
- 2.1.13 Dibenarkan untuk memasang khemah di pekarangan masjid dan surau bagi mendirikan solat berjemaah jika perlu.
- 2.1.14 Majlis perhimpunan atau ijtima' di masjid dan surau yang melebihi 12 jam hanya dibenarkan dengan kebenaran khas Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).
- 2.1.15 Masjid dan surau dibenarkan untuk mengadakan bazar Ramadan mengikut ketetapan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi yang berkaitan.

2.2 Tanggungjawab jawatankuasa kariah masjid dan surau

- 2.2.1 Mewujudkan Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Pemantauan SOP bagi memastikan SOP dipatuhi oleh semua jemaah;
- 2.2.2 Mengadakan pengawal keselamatan atau sukarelawan atau mendapatkan khidmat anggota RELA untuk memastikan SOP masjid dan surau dipatuhi.
- 2.2.3 Mengadakan kaunter di pintu masjid/ surau dan memastikan setiap jemaah mendaftar menggunakan

aplikasi MySejahtera;

- 2.2.4 Membenarkan jemaah berstatus *low risk* atau *casual contact low risk* dalam MySejahtera dan telah menerima vaksinasi Covid-19 untuk memasuki masjid dan surau;
- 2.2.5 Tidak membenarkan jemaah yang bergejala memasuki masjid dan surau;
- 2.2.6 Menyediakan kemudahan kod QR MySejahtera di semua pintu pagar/ pintu masuk masjid dan surau.
- 2.2.7 Kerap melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wuduk secara kerap;
- 2.2.8 Menyediakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) dan memastikan penggunaannya oleh jemaah di semua pintu masuk masjid dan surau;
- 2.2.9 Menyediakan sabun secukupnya untuk kegunaan jemaah di tempat wuduk dan bilik air; dan
- 2.2.10 Memastikan ventilasi dan pengudaraan yang baik di masjid dan surau berdasarkan garis panduan pengudaraan dan kualiti udara dalaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

2.3 Tanggungjawab jemaah

- 2.3.1 Memakai pelitup muka setiap masa di masjid dan surau dan pemakaianya diwajibkan;
- 2.3.2 Berwuduk sebelum hadir ke masjid dan surau;
- 2.3.3 Digalakkan membawa dan menggunakan sejadah sendiri bersaiz standard (60cm x 100cm);
- 2.3.4 Mengimbas kod QR melalui aplikasi MySejahtera sebelum memasuki masjid dan surau;
- 2.3.5 Menunjukkan status risiko dan status vaksinasi Covid-19 di aplikasi MySejahtera kepada petugas;
- 2.3.6 Membawa pensanitasi tangan sendiri atau menggunakan pensanitasi tangan yang disediakan ketika hadir dan pulang;
- 2.3.7 Mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang sesuai dan terkawal ketika masuk dan keluar;
- 2.3.8 Melaksanakan penjarakan fizikal dengan jarak yang bersesuaian di dalam dan luar masjid dan surau kecuali ketika solat;

- 2.3.9 Mengelakkan bersalaman dan berpelukan sesama yang hadir;
- 2.3.10 Mengelakkan bersesak di dalam bilik air atau mana-mana ruang di masjid dan surau;
- 2.3.11 Jemaah yang berhajat untuk membaca al-Quran digalakkan untuk membawa mushaf milik peribadi masing-masing atau membaca menerusi gajet elektronik kepunyaan sendiri;
- 2.3.12 Tiada perkumpulan dibenarkan selepas selesai aktiviti sama ada dalam atau di luar masjid dan surau; dan
- 2.3.13 Mengelakkan kawalan kendiri sepanjang berada di dalam kawasan masjid dan surau.

3. IHYA' RAMADAN

3.1 Majlis ilmu

- 3.1.1 Semua majlis ilmu seperti tazkirah, kuliah, ceramah dan forum adalah dibenarkan dengan pematuhan SOP.
- 3.1.2 Tazkirah tidak dibenarkan sepanjang pelaksanaan solat sunat tarawih.

3.2 Solat sunat tarawih

- 3.2.1 Dibenarkan untuk dilaksanakan sebanyak dua puluh rakaat tarawih dan tazkirah tidak dibenarkan pada waktu antara pelaksanaan solat sunat tarawih.
- 3.2.2 Solat sunat tarawih 8 rakaat dibenarkan hanya dengan kebenaran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).
- 3.2.3 Menggunakan pembesar suara dalam masjid dan surau sahaja bagi pelaksanaan solat sunat tarawih dan witir.
- 3.2.4 Imam jemputan dari luar negara hendaklah mendapat kebenaran dari Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

3.3 Tadarus al-Quran

- 3.3.1 Tadarus al-Quran boleh dilaksanakan pada mananya waktu yang bersesuaian dalam bentuk kumpulan kecil dengan penjaraikan yang bersesuaian.
- 3.3.2 Tadarus al-Quran dengan jumlah peserta yang besar perlu mendapat kebenaran dari Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

3.4 Qiamullail

Qiamullail boleh diadakan di masjid dan surau mulai tengah malam.

3.5 Majlis berbuka puasa, moreh dan sahur

- 3.5.1 Majlis Berbuka Puasa, moreh dan sahur dibenarkan untuk diadakan di masjid dan surau.
- 3.5.2 Digalakkan makanan disediakan secara berbungkus.
- 3.5.3 Dibenarkan aktiviti memasak di masjid dan surau bagi penyediaan makanan berbuka puasa, moreh dan sahur.

3.6 Majlis Penyampaian bantuan dan sumbangan

Dibenarkan majlis penyampaian bantuan dan sumbangan diadakan di masjid dan surau.

4. SAMBUTAN AIDILFITRI

4.1 Takbir Hari Raya

- 4.1.1 Dibenarkan Takbir Hari Raya (malam 1 Syawal) di masjid dan surau sehingga jam 12.00 malam.
- 4.1.2 Takbir rumah ke rumah tidak dibenarkan.

4.2 Solat Sunat Aidilfitri di kawasan lapang (selain masjid/surau)

Dibenarkan solat sunat Aidilfitri diadakan di kawasan lapang dengan kebenaran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

4.3 Kutipan zakat fitrah

4.3.1 Dibenarkan kutipan zakat fitrah secara manual atau pembayaran terus kepada amil di samping pembayaran secara atas talian (*online*) di masjid dan surau.

4.3.2 Dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:

- i. Memakai pelitup muka;
- ii. Pembayar menyediakan wang secukupnya;
- iii. Tidak bersalaman; dan
- iv. Mengamalkan penjarakan fizikal yang bersesuaian.

4.4 Jamuan Hari Raya

Dibenarkan penyediaan makanan jamuan Hari Raya di masjid dan surau secara berbungkus.

4.5 Ziarah Hari Raya anjuran masjid dan surau

Ziarah Hari Raya dari rumah ke rumah anjuran masjid dan surau tidak dibenarkan.

4.6 Ziarah tanah perkuburan Islam

Aktiviti menziarahi tanah perkuburan Islam pada pagi Aidilfitri atau pada waktu yang ditetapkan oleh pengurusan tanah perkuburan Islam adalah dibenarkan.

5. KUAT KUASA

- 5.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai **Jumaat, 01 April 2022M bersamaan 29 Syaaban 1443H.****
- 5.2 Kebenaran khas untuk mendirikan solat Jumaat yang telah diberikan kepada surau dan dewan tertentu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga suatu ketetapan baharu dikeluarkan oleh Jabatan ini.**
- 5.3 Garis panduan ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.**

Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Merangkap Setiausaha

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan